

22/04/2000

Lelaki cuba anjur perhimpunan di masjid ditahan

KOTA BHARU, Jumaat - Polis menahan seorang lelaki dipercayai terbabit dalam cubaan mengadakan perhimpunan haram oleh pihak tertentu di perkarangan Masjid Kubang Kerian, selepas solat Jumaat, dekat sini, hari ini.

Perhimpunan itu dikatakan susulan perhimpunan haram yang dirancang diadakan di Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Polis turut merampas pembesar suara yang dipercayai untuk digunakan lelaki berkenaan dalam perhimpunan itu.

Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner (I) Datuk Mohd Yunus Othman berkata, lelaki berusia dalam lingkungan 30-an itu ditahan sepasukan polis yang membuat pemantauan mengenai ura-ura perhimpunan itu.

"Kita mengesahkan setakat ini sudah menahan seorang lelaki dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPPK) bagi membantu siasatan," katanya di sini, petang ini.

Perhimpunan haram itu heboh diperkatakan di suluruh negeri sejak seminggu lalu berikutan poster mengenainya diedarkan sekitar bandar itu termasuk di kawasan masjid.

Poster berkenaan yang bertulis 'The Black 14 Perhimpunan Memperingati Kezaliman Mahathir Peringkat Negeri Kelantan pada jam 2 petang bertempat di perkarangan Masjid Kubang Kerian. Datanglah beramai-ramai menyertainya, menghantar memorandum rakyat ke Istana Negeri'.

Poster itu diedarkan pihak tertentu yang dipercayai ada kaitan dengan sebuah pertubuhan politik yang menganjurkan perhimpunan haram berkenaan.

Polis percaya, penangkapan lelaki berkenaan dapat mematahkan cubaan kumpulan tertentu untuk mengadakan perhimpunan haram yang dirancang turut bergerak ke kawasan Istana Negeri bagi menghantar memorandum itu.

Sementara itu, Ketua Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Kelantan, Mohamad Mustapha, ketika dihubungi berkata parti itu tidak terbabit dalam penganjuran perhimpunan itu.

Menurutnya, setakat ini beliau belum menerima laporan mengenai pembabitan ahlinya dalam perhimpunan itu.

"Kami juga tidak bertanggungjawab dengan rancangan perhimpunan dan pengedaran poster itu kerana sesiapa pun boleh membuat perkara itu," katanya.

(END)